

CNS8745

R CB 04-09 00157 BH680

Bah

Mahathir - Nasionalis

MELAKA, 4 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat tidak harus bersikap nasionalis sehingga tidak sanggup menerima tenaga orang asing untuk memajukan sektor pelancongan di negara ini.

"Adalah elok kita pinjam tenaga asing sementara menunggu kita berpengalaman. Malah mungkin satu masa nanti apabila kita sudah mempunyai pengalaman, orang lain pula akan meminjam tenaga kita", katanya.

Ketika merasmikan Pusat Peranginan Pulau Besar, dekat sini hari ini, beliau berkata, rakyat tidak harus bersikap sambil lewa dan mengharapakan pelancong datang tanpa membuat sebarang usaha untuk menarik mereka.

Beliau berkata, selain meningkatkan promosi bagi menarik pelancong, rakyat juga perlu mengukur keupayaan serta kelemahan sendiri jika ingin maju dalam sektor berkenaan.

Katanya, sektor pelancongan di negara ini sudah mencapai tahap kemajuan malah semasa perang Teluk, sektor tersebut tidak merasakan kesan perang itu seperti negara lain, yang kehilangan jumlah pelawat yang ramai. -- Lagi

♥04/09/21-32MST

CNS8746

R CB 04-09 00125 BH681

Bah

Mahathir - Nasionalis 2 Melaka

Mengenai pusat peranginan Pulau Besar, yang mengambil masa 15 minit menaiki bot dari pangkalan Umbai, dekat sini, Datuk Seri Dr Mahathir yakin ia boleh berjaya, walaupun sebelum ini dua projek iaitu ternakan dan pelancongan gagal dilaksanakan di situ.

Beliau berkata, sesuatu idea tidak akan berjaya sehingga sampai masanya dan pengurusan pusat peranginan itu bolehlah menggunakan legenda mengenai pulau itu untuk menarik pelancong.

Usaha membangunkan sektor pelancongan perlu dilaksanakan setiap masa, dan kejayaan tidak boleh dicapai tanpa sebarang usaha gigih daripada pihak yang terlibat, tambah beliau.

Yang turut hadir pada majlis berkenaan ialah menteri-menteri Kabinet, Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik dan anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri. -- Bernama

♥04/09/21-34MST